



PEKELILING MAJIKAN BIL. 8/2002

**PRORATA GAJI PENGAJAR BAGI PENGAJAR DARI KUMPULAN SYARIKAT YANG
SAMA ATAU DARI SYARIKAT INDUK DI LUAR NEGARA**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan majikan mengenai kelayakan untuk mendapatkan bantuan kewangan bagi Prorata Gaji Pengajar Dalam oleh majikan yang menggunakan khidmat pengajar-pengajar dari Syarikat dalam kumpulan yang sama (Sister Company) atau pengajar dari Syarikat Induk di Luar Negara apabila melatih pekerja-pekerja secara dalaman di premis syarikat mereka.

2. LATARBELAKANG

2.1 Pada masa ini, majikan hanya berkelayakan mendapat bantuan kewangan bagi prorata gaji pengajar jika menggunakan perkhidmatan pengajar dalaman mereka sendiri. Sekiranya majikan menggunakan khidmat tenaga pengajar dari syarikat lain walaupun dalam kumpulan yang sama atau pengajar dari syarikat induk di luar negara, mereka tidak berkelayakan mendapat bantuan kewangan dalam bentuk prorata gaji pengajar. Sungguhpun demikian, mereka boleh menuntut yuran latihan dan diminta mengemukakan dokumen sokongan yang berupa sebutharga yuran. Dalam hubungan ini kebanyakan majikan tidak dapat mengemukakan dokumen sokongan tersebut dan dengan itu mereka tidak berkelayakan mendapat bantuan kewangan.

2.2 Lanjutan daripada maklumbalas yang diterima, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah membuat keputusan bahawa majikan dibolehkan memohon bantuan kewangan dalam bentuk prorata gaji pengajar sekiranya menggunakan perkhidmatan pengajar dari kumpulan syarikat yang sama atau pengajar dari syarikat induk di luar negara. Ini ialah bertujuan untuk menggalakkan majikan menjalankan latihan secara dalaman supaya dapat menjimatkan kos latihan. Disamping itu, langkah ini juga adalah untuk mengatasi kesukaran mendapat bantuan kewangan yang dihadapi oleh majikan yang ingin menggunakan khidmat pengajar-pengajar daripada syarikat dalam kumpulan yang sama atau pengajar daripada syarikat induk mereka di luar negeri.

3. PROSEDUR PERMOHONAN

3.1 Pemberian bantuan kewangan bagi prorata gaji pengajar ini adalah terpakai di Skim Bantuan Latihan sahaja dan majikan perlu mengemukakan penyata gaji pengajar berkenaan yang disahkan semasa mengemukakan permohonan geran latihan di bawah skim latihan tersebut dengan menggunakan borang [PSMB/SBL/1/01](#) sebelum latihan bermula bersama dokumen sokongan yang lain.

4. Tarikh Kuatkuasa

Pekeliling Majikan Bil. 8/2002 ini berkuatkuasa mulai **1 Julai 2002**

Sekian. Terima kasih

"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN"
"K-PEKERJA PENERAJU MENGHADAPI CABARAN GLOBALISASI"

Yang ikhlas,

(RUSNAN BIN SAMAT)
Timbalan Ketua Eksekutif
Pembangunan Sumber Manusia Berhad

